

## **KAJIAN NARATIF FASA KEHIDUPAN ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI (260H-324H)**

### **[NARRATIVE STUDY ON THE LIFE PHASES OF ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI (260H-324H)]**

AHMAD ARIF ZULKEFLI<sup>1\*</sup>, MUHAMMAD HAFIZI ROZALI<sup>2</sup>

<sup>1\*</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, Melaka, Malaysia.

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia.

Corespondent Email: arifzulkefli@uitm.edu.my

---

Received: 27 February 2021

Accepted: 04 March 2021

Published: 31 March 2021

---

**Abstrak:** Abu al-Hasan al-Ash'ari (260-324H) adalah merupakan seorang tokoh terkemuka dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah abad ke 3 Hijrah. Sintesis penggunaan dalil *naqli* dan dalil '*aqli* dalam sebuah pendalilan akidah yang diangkat oleh beliau pada abad ketiga Hijrah, telah dijadikan sebagai sebuah metode yang signifikan bagi sumber pendalilan dalam akidah. Sebaris dengan tokoh-tokoh ilmuan Islam yang lain, kesarjanaan Abu al-Hasan al-Ash'ari sebagai seorang ilmuan agung tidak dapat disangkalkan lagi. Beliau mendapat pujian dan sanjungan daripada ulama sezaman denganannya dan para ulama berikutnya hingga ke hari ini. Ketokohan beliau dalam bidang kesarjanaan dapat dilihat dengan karya penulisannya yang banyak dan bernilai sehingga menjadi rujukan para ulama sepanjang zaman. Oleh kerana kehebatan, ketokohan dan keilmuan yang dimiliki, sebuah inisiatif kajian dijalankan untuk membentangkan kesarjanaan Abu al-Hasan al-Ash'ari. Walaupun tidak dinafikan biografi kehidupan serta kesarjanaan beliau telah banyak dibentangkan, namun naratif fasa kehidupan beliau dalam kajian ini diperlukan bagi mengenal pasti pengaruh fasa kehidupannya yang berbeza telah memberikan impak yang sangat besar terhadap kesarjanaan beliau. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kaedah analisis kandungan dokumen iaitu rujukan ke atas sumber primer (*masadir*) dan sekunder (*maraji'*). Kemudian data-data yang diperolehi tersebut dianalisis menggunakan kaedah diskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa, ketokohan dan sumbangan besar Abu al-Hasan al-Ash'ari mempertahankan kesucian akidah Islam daripada aliran menyeleweng, mewajarkan beliau diangkat sebagai salah seorang *mujaddid* kurun ketiga Hijrah.

**Kata kunci:** Kajian Naratif, Fasa Kehidupan, Abu al-Hasan al-Ash'ari.

**Abstract:** Abu al-Hasan al-Ash'ari (260-324H) was a leading figure in the school of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah in the 3rd century AH. The synthesis of the use of dalil *naqli* and dalil '*aqli* in a theorem of aqeedah which was adopted by him in the third century AH, has been made a significant method for the source of dalil of aqeedah. Along with other Islamic scholars, Abu al-Hasan al-Ash'ari's scholarship as a great scholar can no longer be denied. He received praise and admiration from the scholars of his time and subsequent scholars to this day. His prowess in the field of scholarship can be seen in his many and valuable writings that have become a reference for scholars throughout the ages. Due to the greatness, prominence and knowledge he possessed, a research initiative was undertaken to present the scholarship of Abu al-Hasan al-Ash'ari. While it is undeniable that his life biography as well as scholarship has been extensively presented, yet the narrative of his life phases in this study is needed to identify the influence of different phases of his life have had a very great impact on his scholarship. This study will use a qualitative approach involving the method of document content analysis that is reference to primary

(*masadir*) and secondary (*maraji'*) sources. Then the data obtained were analyzed using descriptive methods. The results of the study found that, the greatness and great contribution of Abu al-Hasan al-Ash'ari in defending the purity of the Islamic faith from deviant trends, justifies his appointment as one of the *mujaddids* of the third century AH.

**Keywords:** Narrative study, Life Phases, Abu Al-Hasan Al-Ash'ari.

**Cite This Article:**

Ahmad Arif Zulkefli & Muhammad Hafizi Rozali. 2021. Kajian Naratif Fasa Kehidupan Abu Al-Hasan Al-Ash'ari (260H-324H) [Narrative Study on The Life Phases of Abu Al-Hasan Al-Ash'ari (260H-324H)]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 15-26.

## PENGENALAN

Mazhab al-Ash'ari diasaskan oleh 'Ali bin 'Isma'il bin Bishr bin 'Ishaq bin Salim bin 'Isma'il bin 'Abd Allah bin Bilal bin Burdah bin Musa al-Ash'ari. Nama panggilan beliau adalah Abu al-Hasan. Al-Ash'ari dilahirkan dan dibesarkan di Basrah, Iraq sekitar tahun 260H, kemudian beliau berpindah ke Baghdad dan tinggal di sana sehingga kewafatannya sekitar tahun 324H. Para ulama' bersepakat bahawa nasab keturunan Abu al-Hasan al-Ash'ari bersambung kepada salah seorang sahabat yang bernama Abu Musa al-Ash'ari (al-Qadi 'Iyyad, 1983; Abu Zahrah, 1996, al-Asnawi, 1987).

Beliau pada usia mudanya, adalah merupakan seorang yang berpegang dengan mazhab al-Mu'tazilah dan menganutinya selama beberapa tahun. Beliau kemudian beralih kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah serta membela dan menzahirkannya dengan berpegang kepada manhaj ilmu kalam yang digunakan oleh para *mutakallimin* (ahli kalam) sehingga digelarkan kepada beliau sebagai seorang *mujaddid* kurun ke-3 hijrah (Ibn 'Asakir, 1347).

Al-Ash'ari menjadi pelopor kerohanian bagi majoriti umat Islam pada saat kelompok-kelompok sesat berkuasa. Beliau sangat berpegang teguh dengan al-Qur'an, al-Sunnah dan *al-Ijma'*, serta dalil-dalil akal dan *shawahid* (dalil-dalil) yang bersifat *al-Sam'iyyat* (perkara-perkara ghaib) pada perkara terkait pendalilan akidah.

Al-Qadi 'Iyyad (1983) di dalam kitabnya *Tartib al-Madarik* berkata:

"Ulama' Ahl al-Sunnah telah mengarang banyak kitab dan berhujah untuk menghitbatkan al-Sunnah dan apa yang telah dinafikan oleh ahli bid'ah pada sifat-sifat Allah, seperti melihat-Nya, qadim (Sedia ada) kalam-Nya, kudrat-Nya, juga pada perkara-perkara sam'iyyat seperti titian al-Sirat, al-Mizan (timbangan amal), al-Shafa'ah (syafaat), al-Haud (telaga), fitnah kubur dan sebagainya, yang dinafikan oleh golongan al-Mu'tazilah dan golongan selain daripada Ahl al-Sunnah dan Ahl Hadith. Lalu beliau (Abu al-Hasan al-Ash'ari) mendatangkan hujah yang jelas daripada al-Quran, al-Sunnah dan dalil-dalil yang jelas serta menolak syubhah (keraguan) golongan ahli bid'ah".

## BIOGRAFI FASA KEHIDUPAN ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI:

Kebanyakan pengkaji sejarah yang mengkaji sejarah berkaitan Abu al-Hasan al-Ash'ari membahagikan kehidupan beliau kepada tiga fasa utama iaitu:

### Fasa Pertama:

Dimulakan dengan fasa kelahiran beliau sehingga berumur 10 tahun. Pada waktu ini beliau belajar ilmu al-Qur'an dan al-Hadith mengikut pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang merupakan mazhab rasmi bagi kedua orang tua dan guru-gurunya.

### Fasa kedua:

Pada waktu ini, beliau mula berguru dengan Abu 'Ali al-Jubba'i (m. 543H), yang merupakan salah seorang ulama' besar bermazhab al-Mu'tazilah (al-Murtada, 1961). Al-Ash'ari telah belajar dan mengambil ilmu daripadanya sehingga menjadi seorang yang alim di dalam mazhab ini. Fasa ini berakhir apabila beliau mula berpindah daripada akidah al-Mu'tazilah kepada akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, iaitu setelah beliau menyedari terdapatnya kesalahan dan kelemahan pada pegangan al-Mu'tazilah ini dari sudut akidah yang jelas jauh tersasar daripada kehendak syara' dan *maqasid* (tujuan)-nya.

Antara kisah perdebatan yang berlaku antara Abu al-Hasan al-Ash'ari dengan ulama'-ulama' al-Mu'tazilah sezaman dengannya yang jelas kelihatan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan manhaj al-Mu'tazilah adalah kisah perdebatannya dengan Abu 'Ali al-Jubba'i. Al-Subki (1413) telah menaqalkan kisah perdebatan ini di dalam kitab *Tabaqat al-Shafi'iyyah*:

Al-Ash'ari bertanyakan kepada al-Jubba'i pada suatu hari: "Apakah pendapatmu tentang hukum bagi ketiga orang ini; mukmin, kafir dan kanak-kanak yang meninggal dunia? Lalu al-Jubba'i menjawab: Si mukmin itu tergolong dalam kalangan orang yang mendapat darjat yang tinggi, si kafir itu pula tergolong dalam orang yang mendapat kehancuran, dan kanak-kanak itu tergolong dalam golongan yang selamat. Al-Ash'ari berkata: Sekiranya kanak-kanak itu ingin naik ke darjat yang lebih tinggi, adakah diperbolehkan? Al-Jubba'i menjawab: Tidak boleh! Hal ini kerana akan dikatakan kepadanya kelak: Darjat yang tinggi ini hanya untuk orang yang melakukan ketaatan, bukan untuk mereka yang sepertimu. Al-Ash'ari kemudiannya berkata: Sekiranya budak itu menjawab: Kekurangan itu bukan dariku, sekiranya aku diberi kehidupan yang lebih lama, nescaya aku akan melakukan ketaatan seperti si mukmin itu tadi. Lalu al-Jubba'i menjawab: Allah akan berfirman kepadanya: Aku sudah mengetahui sekiranya kamu hidup lama, nescaya kamu akan melakukan maksiat kepadaKu lalu aku akan menghukumi kamu, maka aku raikan kemaslahatanmu dengan mematikan kamu sewaktu kamu masih kecil. Al-Ash'ari kemudiannya berkata: Bagaimana sekiranya si kafir itu berkata: Wahai Tuhan, sesungguhnya Engkau mengetahui hal

kanak-kanak itu, maka mengapakah Engkau tidak meraikan kemaslahatanku sepertinya? Lalu al-Jubba'i terdiam”.

Terdapat riwayat yang menyebutkan bahawa sebab beliau berpindah daripada mazhab al-Mu'tazilah kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ialah kerana mimpi yang beliau alami pada bulan Ramadan tahun 300 Hijrah. Beliau telah bermimpi bertemu Rasulullah SAW. Dalam mimpi tersebut, Rasulullah SAW berkata: “Hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnahku...”. Mimpi ini dikatakan berulang sebanyak tiga kali. (Ibn ‘Asakir, 1347).

Selain itu terdapat juga riwayat yang menyebutkan bahawa al-Ash'ari telah mengasingkan diri daripada orang ramai selama 15 hari dirumahnya, kemudian beliau keluar menuju ke masjid dan menaiki mimbar dan seraya berkata:

يَا مُعْشَرَ النَّاسِ إِنِّي إِنَّمَا تَغْيِيبَتْ عَنِّكُمْ فِي هَذِهِ الْمَدَةِ لَأَنِّي نَظَرْتُ فَقَاتِلَتْ عَنِّي حَقٌّ عَلَى بَاطِلٍ، وَلَا بَاطِلٌ عَلَى حَقٍّ فَاسْتَهْبَيْتُ اللَّهَ تَبارَكَ وَتَعَالَى فَهَدَانِي إِلَى اعْتِقَادِ مَا أُودِعْتُ فِي كُتُبِي هَذِهِ، وَانْخَلَعْتُ مِنْ جَمِيعِ مَا كُنْتُ أَعْقَدْتُ مِنْ ثُوْبِي هَذَا، وَاخْلَعْتُ مِنْ ثُوبِ كَانَ عَلَيْهِ وَرَمَى

بِهِ...<sup>4</sup>

Wahai sekalian manusia, sesungguhnya aku mengasingkan diri daripada kamu selama tempoh ini, kerana aku (sibuk) membuat penelitian, lalu aku menjadi keliru dengan hujah-hujah yang ada, dan aku tidak tahu yang manakah kebenaran atau kebatilan? Kemudian aku memohon petunjuk daripada Allah SWT lalu Dia memberikanku petunjuk (kepada kebenaran) untuk berpegang dengan apa yang (kemudiannya) aku telah tuliskan di dalam kitab-kitabku ini. Dan aku menanggalkan segala peganganku sebelum ini seperti mana aku menanggalkan bajuku ini, lalu beliau membuka bajunya dan melemparkannya..” (Ibn ‘Asakir, 1347).

Disini timbul persoalan, adakah keinginan al-Ash'ari untuk mencari hakikat ditambah dengan mimpi yang dialaminya adalah penyebab kepada berlaku perpindahan mazhab akidah beliau atau sebenarnya beliau sudah pun berfikir berkenaan perkara ini sebelumnya lagi? Secara peribadi, pengkaji merasakan perkara ini sudah pun bermain difikiran Abu al-Hassan al-Ash'ari sebelum berlakunya kejadian ini lagi. Bahkan boleh jadi perkara pertama yang bermain di fikiran dan memberi kesan terhadap jiwa beliau ialah perasaan belas kasihan dan cinta terhadap agama dan umat ini. Berbekalkan semangat inilah, al-Ash'ari berusaha mencari bukti-bukti, di samping meminta petunjuk kebenaran daripada Allah SWT. Akhirnya, beliau dikurniakan petunjuk oleh Allah SWT melalui mimpiya bertemu Rasulullah SAW yang meminta al-Ash'ari membela al-Qur'an dan Sunnah Baginda daripada dipermain-mainkan oleh aliran ahli bid'ah, terutamanya Muk'tazilah (Ibn ‘Asakir, 1347). Selepas mendapat petunjuk inilah, beliau meninggalkan pegangan al-Mu'tazilah dan mempergiat aktiviti penyampaian dakwah akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang merupakan mazhab baru baginya.

Penggunaan istilah ‘mazhab baru’ di sini hakikatnya, bukanlah bermaksud beliau mereka-reka suatu perkara yang baru di dalam agama, akan tetapi bermaksud beliau kembali kepada hakikat kebenaran yang telah wujud sebelumnya iaitu kepada kefahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Al-Ash'ari terkenal sebagai seorang pemuda yang cerdas dan bijaksana, maka disebabkan itulah kebijaksanaan yang diwarisinya ketika menganuti fahaman al-Mu'tazilah

ditonjolkannya pula ke dalam pegangan mazhab barunya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Beliau telah menguatkan fahaman ini dengan pendalilan-pendalilan kalam. Maka dengan itu, lahirlah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai sebuah mazhab baharu yang lebih tersusun.

Terdapat teks daripada al-Qadi 'Iyyad yang menyokong pernyataan ini khususnya mengenai keadaan Abu al-Hassan al-Ash'ari yang mempertahankan mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Al-Qadi 'Iyyad (1983) berkata:

“Tatkala banyak penulisan beliau - iaitu al-Ash'ari - dan orang ramai mengambil manfaat daripadanya, maka jelaslah bagi ahli hadith dan fiqh bahawa beliau telah membela al-Sunnah dan agama. Mereka menelaah karya beliau, berguru dengannya, dan mendalaminya sehingga menjadi murid beliau dan ikut mendukung perkara ini di samping turut membentangkan dalil-dalil yang beliau bawa di dalam membela agama ini. Mereka ini dinamakan sempena nama beliau, yang mana sebelum ini mereka dikenali sebagai golongan *al-Muthbitah* (orang yang menetapkan sifat bagi Allah) -iaitu al-Mu'tazilah-, kerana mereka menghitbatkan (menetapkan) apa yang dinafikan daripada al-Sunnah dan syara' ..., maka Ahli Sunnah dari timur dan barat menggunakan hujah beliau untuk berhujah, dan berjalan di atas manhaj beliau, bahkan ramai yang memuji mazhab dan perjuangan beliau.”

Sememangnya, perubahan yang berlaku di dalam hidup Abu al-Hasan al-Ash'ari dalam fasa ini telah memberikan kesan yang positif terhadap manhaj pengajian akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang memerlukan kepada pensistesenan dalil *naqli* dan dalil *aqli*. Banyak *firqah* (kelompok) yang terjun kedalam perbahasan sifat-sifat Allah sehingga sampai ke tahap *mentashbihkan* (menyamakan Allah dengan makhluk), *mentajsimkan* (menjisimkan Allah) dan *menta'tulkan* (meniadakan sifat Allah). Hal ini tidak lain tidak bukan disebabkan penggunaan dalil *aqli* secara berlebihan melebihi hadnya yang ditetapkan dan kurang memberikan perhatian kepada nas wahyu.

### Fasa ketiga:

Fasa ini bermula daripada perpindahan Abu al-Hasan al-Ash'ari daripada mazhab al-Mu'tazilah kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, dan berakhir dengan kewafatan beliau pada tahun 324H. Pada waktu ini, beliau telah mewakafkan seluruh kehidupannya untuk membela akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah menggunakan dalil-dalil akal dan mantik berpandukan apa yang telah ditetapkan oleh syara'. Beliau juga pada fasa ini, banyak membongkarkan kesalahan-kesalahan pemikiran golongan al-Mu'tazilah.

Ibn Khaldun (t.th) menyebutkan:

“Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam para *mutakallim*, yang telah menyatukan antara manhaj *ta'til* dan *tashbih*, menetapkan sifat-sifat *ma'nawiyyah*, membetulkan kaedah *tanzih* sesuai dengan kaedah para Salaf al-Saleh, meletakkan dalil-dalil yang khusus sesuai dengan tempatnya dan menetapkan bagi Allah SWT akan sifat Sama', Basar, Kalam (pedengar, pelihat

dan pekata) pada zatNya dengan kaedah *naqli* dan *aqli* serta menolak semua golongan bid'ah dalam perkara ini...”.

Mazhab al-Ash'ari juga diikuti oleh dua mazhab fiqh yang terbesar iaitu mazhab al-Shafi'i dan al-Maliki. Mazhab ini mudah diterima kerana manhajnya yang *wasati* (sederhana) ditambah pula ia adalah merupakan pegangan bagi ulama-ulama besar daripada pelbagai mazhab fiqh sunni. Maka dengan kesederhanaan yang menjadi identiti pemikiran al-Ash'ari ini, ia mampu berada di barisan paling hadapan dalam menolak pemikiran-pemikiran lain di dalam Islam dan mudah untuk disebarluaskan kepada pelbagai lapisan dan pemikiran masyarakat.

## **PUJIAN ULAMA' TERHADAP ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI**

Al-'Ash'ari mendapat pujian daripada ramai ulama dari pelbagai mazhab, antaranya:

1. al-Qadi 'Iyyad (1983): “Maka Ahl al-Sunnah dari timur dan barat menggunakan hujah beliau (al-Ash'ari) untuk berhujah, dan berjalan di atas manhaj beliau, bahkan ramai yang memuji mazhab dan perjuangan beliau.”
2. al-Maqrizi (1442): “Hakikat mazhab al-Ash'ari ialah beliau berada di antara pegangan nafi yang dipegang oleh kelompok al-Mu'tazilah dan ‘ithbat yang dipegang oleh al-Mujassimah (golongan yang menjisimkan Allah). Beliau juga mempertahankan dan berhujah dengan pegangan beliau ini sehingga mereka cenderung kepada beliau lalu mendukung pemikiran beliau. Mazhab Abu al-Hasan al-Ash'ari telah tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam sehingga kaum muslimin (seolah-olah) telah melupakan mazhab lain (sehingga tiada lagi mazhab yang menyalahi mazhab ini) kecuali mazhab Hanbali pengikut Imam Abu 'Abd Allah Ahmad bin Hanbal yang dakwahnya diteruskan oleh Shaykh Taqi al-Din Ibn Taymiyyah.”
3. Ibn Khaldun (t.th): “Abu al-Hasan al-Ash'ari, imam para *mutakallim*, menetapkan sifat-sifat *ma'nawiyyah*, membentulkan kaedah *tanzih* sesuai dengan kaedah para Salaf al-Salih, dan meletakkan dalil-dalil yang khusus sesuai dengan tempatnya dan menetapkan sifat *Sama'*, *Basar*, *Kalam* pada zatNya dengan kaedah *naqli* dan *aqli* serta menolak semua golongan bid'ah dalam perkara ini.
4. Abu 'Ali 'Umar bin Khalil al-Sakuni (1976): “Di antara tanda Allah SWT menolong agama ini ialah kehadiran Shaykh al-Sunnah, *Habr al-'Ummah*, Abu al-Hasan 'Ali bin 'Isma'il al-Ash'ari, beliau telah mengangkat bendera *Muwahhidin* dengan pertolongan Allah, menjelaskan kesesatan golongan ateis dan golongan berhaluan kiri sebahagian umat Islam dengan membawakan hujah yang sangat jitu. Beliau merapatkan hubungan yang renggang dan menguraikan ikatan yang kusut dan menjelaskan akidah dengan maksud yang sebenar.”
5. Amin al-Khuli (2003): “Begitu juga kelihatan toleransi agama pada Abu al-Hasan al-Ash'ari al-Mujaddid yang terbit dari hatinya, toleransi akal yang memaafkan golongan yang menyeleweng kerana menganggap mereka tersalah faham dalam memahami kalam ulama' sehingga menyebabkan berlakunya salah faham tersebut, dan mengiktiraf ijtihad mereka di dalam perkara *furu'* sebagai benar, dan beliau tidak mengkafirkkan mana-mana ahli kiblat dalam perkara *usul*”.

6. Ibn Khallikan (t.th): “ Abu al-Hassan ‘Ali bin ‘Isma’il bin Bishr bin ‘Ishaq bin Salim bin ‘Isma’il bin ‘Abd Allah bin Bilal bin Burdah bin Musa al-Ash’ari sahabat Rasulullah SAW ialah pemilik usul, yang membela mazhab al-Sunnah, kepada beliaulah dinisbahkan mazhab al-Ash’ari”.
7. al-Khatib al-Baghdadi (t.th): “ al-Mu’tazilah pada waktu tersebut mengangkat kepala mereka (sombong) sehingga Allah memunculkan al-Ash’ari lalu beliau menenggelamkan mereka ke dalam timbunan biji sawi”.
8. Ibn al-‘Imad al-Hanbali (t.th): “Kepada Abu al-Hasan terhentinya kepimpinan dunia di dalam ilmu kalam, beliau berada di barisan paling hadapan, seorang imam”.
9. al-Yafi’i (1997): “al-Shaykh al-Imam penolong al-Sunnah, penasihat ummah, Imam para Imam kebenaran, pematah hujah golongan ahli bid’ah, pemegang panji manhaj kebenaran, pemilik cahaya yang terang, hujah yang padu, Abu al-Hasan ‘Ali bin ‘Isma’il”.
10. al-Dhahabi (2006): “Aku mendengar satu kalam al-Ash’ari yang mengagumkanku, dan ianya thabit diriwayatkan oleh al-Bayhaqi, aku mendengarnya daripada Abu Hazim al-‘Abdari, daripada Zahir bin Khalid bin ‘Ahmad al-Sarkhasi beliau berkata: Ketika mana hampir ajal Abu al-Hasan al-Ash’ari dirumahku di Baghdad, beliau memanggilku, lalu aku datang, beliau seraya berkata: Saksikanlah bahawa sesungguhnya aku tidak mengkafirkkan seorang pun daripada ahli kiblat kerana semuanya mentauhidkan Tuhan yang Maha Esa, bahkan ini semuanya hanya kerana selisih faham pada ibarat sahaja” .
11. Ibn ‘Asakir (1347): “Abu al-Hasan al-Ash’ari adalah seperti yang disebutkan tentang beliau berkenaan keelokan *i’tiqadnya*, beliau menyatukan ahli ilmu dengan ilmu dan *i’tiqad* yang selari dengan pegangan majoriti umat, tiada orang yang mengkritik pemikiran beliau melainkan orang-orang jahil dan yang degil” .

## KARYA ABU AL-HASAN AL-ASH’ARI

Ulama *al-mutaqaddimin* (terdahulu) dan *al-muta’akhirin* (terkemudian) sangat menitik beratkan karya penulisan Abu al-Hasan al-Ash’ari. Bilangannya dianggarkan hampir mencapai 90 buah menurut hitungan al-‘Imam Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan bin Furak (m. 406H) dari awal kehidupan beliau sehingga tahun 320 Hijrah. Bilangan tersebut dikatakan bertambah mengikut hitungan Ibn ‘Asakir al-Dimashqi dari awal kehidupan beliau sehingga tahun 324 Hijrah, iaitu pada tahun kewafatan Abu al-Hasan al-Ash’ari (al-‘Ash’ari, 1997).

Kebanyakan karya al-‘Ash’ari seperti yang disebutkan oleh Ibn ‘Asakir adalah berbentuk penolakan atau ‘*rudud*’ kepada pendapat-pendapat dan pemikiran golongan yang menyalahi akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah. Hal ini memberi konotasi bahawa al-‘Ash’ari sangat konsisten dalam mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah sehingga akhir hayatnya. Diantara karya al-Ash’ari yang telah dicetak dan sampai kepada masyarakat hari ini ialah:

### 1. Maqalat al-‘Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin.

Pada bahagian pertama kitab *Maqalat al-‘Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, terkandung perbahasan mengenai keagungan ilmu kalam dan mazhab-mazhabnya, manakala bahagian

kedua pula membahaskan masalah-masalah ilmu kalam dengan mendalam dan menyebutkan pandangan mazhab-mazhab lain tentangnya.

Kitab ini penting kerana perbahasan di dalamnya bersih daripada sebarang prejudis dan ta'asub terhadap mana-mana mazhab. Tambahan pula kitab ini adalah kitab yang paling awal membahaskan berkenaan ilmu kalam. Al-'Ash'ari menyebutkan lawannya daripada mazhab lain dengan terperinci dan penuh amanah, kemudian beliau men'*'rad'* (menolak) mereka dengan hujah yang ilmiah dan adil.

## 2. **Al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'.**

Kitab ini adalah sebuah kitab ringkas yang membahaskan berkenaan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan berpandukan dalil *aqli* dan *naqli* secara bersepada dengan menggunakan gaya bahasa perdebatan yang bersifat *al-kalami* yang terbina di atas kaedah: “Sekiranya seseorang itu berkata..., maka ..., atau sekiranya seseorang bertanya... maka...” yang dikenali juga sebagai ilmu *Adab al-Bahth wa al-Munazarat*.

Walaupun saiz kitab ini kecil, tetapi terangkum padanya asas-asas mazhab al-'Ash'ari. Beliau telah memulakan kitab ini dengan menyebutkan dalil kewujudan Pencipta, keperluan mengesakanNya, tiada sesuatu pun yang menyerupaiNya, sifat-sifatNya, ketentuanNya, kemampuanNya, keadilanNya, perkara yang harus bagiNya, keimanan, kenabian dan sebagainya, kemudian diakhiri dengan perbahasan tentang kepimpinan iaitu al-Imamah.

Menurut pengkaji kontemporari, kitab *al-Luma'* dianggap lebih sahih penisbahannya kepada al-Ash'ari daripada kitab *al-'Ibanah 'an Usul al-Diyanah* dari sudut tarikh, kesan terhadap murid-murid, dan perbahasan ilmu kalam yang ada dalamnya. Ia juga mengandungi perbahasan akal yang mendalam dengan hujah yang mantap, bukan semata-mata menyebutkan akidahnya sahaja seperti di dalam *al-Ibānah*” ('Abd al-Rahman Badwi, 1997).

Kitab *al-Luma'* dicetak pertama kali dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Yusuf Mac Carthy di dalam buku beliau *Madhhab al-Ash'ari al-Kalami* pada tahun 1953, dan juga dicetak oleh Dr. Ḥamudah Zaki Gharabah pada tahun 1955 di Mesir. Ia juga ditahqiq oleh 'Abd al-'Aziz 'Izz al-Din al-Sirwan dan diedarkan oleh percetakan Dar Lubnan pada tahun 1987.

## 3. **Risalah ila Ahl al-Thaghr.**

Di dalam risalah ini, Abu al-Hasan al-'Ash'ari telah menyebutkan berkenaan akidah dan pegangan Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah yang disepakati oleh para Salaf al-Soleh sejak dari zaman Nabi SAW pada perkara terkait *usul* agama dan disertai dengan dalil yang mantap (al-'Ash'ari, 2002).

Kitab ini pada dasarnya adalah jawapan kepada para fuqaha' dan ulama' daripada Ahl al-Thaghr ('Abd al-Rahman Badwi, 1997) dalam bentuk *ijma'* ulama yang menyebutkan secara khusus kelebihan mengikuti ulama dan keburukan melakukan bid'ah dalam ilmu ini. Ia mengandungi 51 perkara yang sudah menjadi *ijma'* di dalam masalah akidah mengikut metodologi Ahl al-Sunnah, seperti usul yang telah dipegang oleh ulama dahulu berdasarkan Kitab dan Sunnah serta diikuti oleh ulama khalaf (al-'Ash'ari, 2002).

Kitab ini dicetak pada tahun 1928. Ia juga dicetak oleh Dr. Muhammad al-Sayyid al-Jalind dengan judul ‘*Usul Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah al-Musammat bi Risalah ‘ila Ahl al-Thaghr li al-‘Ash’ari*’. Ia juga ditahqiq oleh ‘Abd Allah Shakir Muhammad al-Junaydi sebagai tesis sijil tinggi pengkhususan akidah di Universiti Islam Madinah dan dicetak pada tahun 1988.

#### **4. Al-‘Ibanah ‘an ‘Usul al-Diyarah.**

al-Ash’ari di dalam kitab ini menelusuri manhaj *wasati* antara al-Mu’tazilah dan al-Hashawiyyah. Kitab ini sebenarnya hampir kepada mazhab Ahli Hadith yang berpegang dengan kaedah *tafwid*, di mana al-Ash’ari cenderung untuk menghitbatkan naṣ berbanding akal (*menta’wil*) dan menafikan *tashbih* dan *tajsim* (menyerupakan dan menjisimkan Allah) dalam apa jua bentuk dan gambaran. Menurut Zahid al-Kawthari, al-‘Ash’ari mengarang kitab *al-Ibanah* dengan manhaj golongan *tafwid* yang tidak menentukan *murad* Allah (di dalam KalamNya), yang merupakan pegangan sekalian mazhab salaf, selain ingin memulihkan mereka yang terpengaruh dengan *tashbih*, dan mengajak mereka untuk naik ke peringkat akidah yang *sahih* secara berperingkat (Wahbi Sulayman Ghauji, 1989).

#### **5. Risalah Istihsan al-Khawd fi ‘Ilm al-Kalam.**

Isi kandungan risalah ini adalah seperti yang ditunjukkan oleh tajuknya sendiri iaitu keharusan untuk berinteraksi dengan ilmu kalam yang diharamkan dan dibid’ahkan oleh golongan al-Hashawiyyah. Al-‘Ash’ari adalah antara orang yang terawal mengkritik dakwaan mereka yang mencela ilmu kalam dan melarang manusia daripada mendalaminya. Beliau berkata:

“Sesungguhnya segolongan manusia menjadikan kejahanan sebagai modal mereka, dan berat bagi mereka untuk meneliti dan menelaah agama, dan mereka cenderung untuk mengambil mudah dan bertaqlid serta mencela mereka yang menekuni usul al-Din (usul agama) dan menisbahkan mereka sebagai sesat” (al-‘Ash’ari, t.th).

Dalam konteks mempertahankan ilmu kalam juga, Ibn Khumayr al-Sibti (2004) di dalam kitabnya *Muqaddimat al-Marashid ‘ila ‘Ilm al-Kalam* menyebut:

“Dan maklum bahawa tidak sahih apa yang disebutkan oleh fuqaha’ dan ulama’ yang diikuti ramai bahawa mereka mencela ilmu ini (ilmu kalam) dan mengkritiknya, begitu juga tidak layak bagi mereka yang mengaku bermazhab al-Hanafi untuk mengingkari ilmu (kalam) yang menetapkan keesaan Allah dan sifat-sifatNya dengan menghitbatkan segala sifat kesempurnaan dan menafikan segala kekurangan bagiNya, serta menyucikanNya daripada apa yang dituduh oleh orang kafir, begitu juga menghitbatkan kenabian para nabi dengan mukjizat-mukjizat dan (ilmu yang) mengandungi cara membezakan diantara seorang yang benar dan pendusta, apa yang wajib bagi mukallaf, bilakah ia menjadi wajib, bagaimanakah ia wajib”.

al-Imam Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yusuf al-Sanusi pula berpendapat bahawa pendapat yang mengatakan haram belajar ilmu kalam adalah kesesatan yang jelas kerana ianya bertentangan dengan al-Kitab dan al-Sunnah serta *ijma’* salaf sekiranya ia diambil secara zahirnya sahaja, hal ini kerana ilmu kalam adalah syarahan bagi perkara tersebut, dan ulama telah bersepakat atas kebatilannya” (al-Sanusi, 2013).

Imam Muhammad bin al-Hasan bin Furak (m. 406H), seorang yang sangat mengenali mazhab al-Ash’ari berkata:

“Ketahuilah bahawa apa yang kami sebut di dalam kitab ini daripada perkataan Shaykh Abu al-Hasan ‘Ali bin Isma’il al-Ash’ari adalah bertepatan dengan apa yang dipegang oleh para *nuzzar* (peneliti) ahli hadith, dan mereka menjadikan perkara tersebut sebagai kaedah agama dan asas tauhid mereka, akan tetapi harus diingati bahawa ahli hadith itu terbahagi kepada dua; satu golongan bergiat dengan *al-Riwayah* manakala satu lagi bergiat dengan penelitian dan perdebatan dengan golongan yang menyalahi mereka di dalam rangka membela mazhab, dan menjelaskan apa yang disalah fahami oleh lawan” (Ibn Furak, 2005).

## KESIMPULAN

Abu al-Hasan al-Ash’ari adalah seorang *mujaddid* di dalam Islam. Panggilan *mujaddid* yang diberikan ini bukanlah bermaksud membawa sesuatu yang baharu di dalam agama ini, bahkan hanya meneruskan kesinambungan akidah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dengan menetapkan dalil-dalil akal untuk menyokong dalil-dalil al-Qur'an dan al-Sunnah. Kesarjanaan beliau terselar melalui karya-karyanya yang menjadi rujukan utama penganut mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah. Beliau juga banyak meninggalkan murid-murid yang meneruskan legasi beliau dan menyebarkannya ke dunia timur dan barat Islam. Sehingga kini, pemikiran beliau masih segar dibincangkan di pelbagai peringkat keilmuan dengan harapan, ianya dapat disebar luaskan lagi disamping memperkuatkan kefahaman yang sedia ada. Satu kaedah penting yang diasaskan oleh beliau ialah pengikut Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah tidak boleh mengafirkan mana-mana ahli kiblat atau orang Islam selama mana mereka masih berpegang dengan kalimah tauhid. Perkara inilah yang harus dilestarikan dan diraikan oleh semua pihak pada hari ini. Hal ini seperti mana kata-kata Ibn Furak yang dinukilkan oleh Ahmad Zarruq (m. 899H) di dalam kitabnya *Qawa'id al-Tasawwuf*:

الغلط في إدخال ألف كافر بشبهة الإسلام خير من الغلط في إخراج مسلم واحد بشبهة كفر

“Tersilap memasukkan seribu orang kafir ke dalam Islam dengan syubhat itu lebih baik daripada tersilap mengeluarkan seseorang daripada Islam dengan syubhat” (Ahmad Zarruq, 2005).

## RUJUKAN

‘Abd al-Rahman Badwi. 1997. *Madhahib al-‘Islamiyyin*. Bayrut: Dar al-‘Ilm al-Malayin.

- Abu Zahrah, Muhammad. 1996. *Tarikh al-Madhahib al-'Islamiyyah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Mayyarah. 2008. *Sharh al-Dur al-Thamin wa al-Maurid al-Mu'in 'ala al-Murshid al-Mu'in Min 'Ulum al-Din li 'Ibn 'Ashir*, Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali Ali bin 'Isma'il. 1955. *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Misr: Matbu'ah Misriyyah.
- al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali Ali bin 'Isma'il. 1977. *al-Ibanah 'an 'Usul al-Diyah*. Qahirah: Dar al-'Ansar.
- al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali Ali bin 'Isma'il. 1990. *Maqalat al-'Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali Ali bin 'Isma'il. 1995. *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*. Bayrut: Dar al-Mashari'
- al-Ash'ari, Abi al-Hasan 'Ali Ali bin 'Isma'il. 2002. *Risalah 'ila 'Ahl al-Thaghr*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Asnawi, 'Abd al-Rahim Jamal al-Din. 1987. *Tabaqat al-Shafi'iyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qadir bin Tahir bin Muhammad. 1977. *al-Farq Bayn al-Firaq*. Bayrut: Dar al-'Afaq al-Jadidah.
- al-Dhahabi, Shams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad Ibn Uthman. 2006. *Siyar A'lam al-Nubala'*, Qahirah. Dar al-Hadith.
- Ibn 'Asakir, Abi al-Qasim 'Ali ibn al-Hasan Ibn Hibah Allah. 1347. *Tabyin Kadhib al-Muftari fi ma Nusiba 'Ila al-Imam Abi al-Hasan al-'Ash'ari*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Fasi, Ahmad Zarruq. 2005. *Qawa'id al-Tasawwuf*. t.tp: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haj Muhammad al-Talib. t.th. *al-Hashiyyah 'ala Sharh al-Mayyarah 'ala al-Murshid al-Mu'in 'ala al-Daruri min 'Ulum al-Din*. t.tp: t.pt.
- Ibn Furak, Abu Bakr bin al-Hasan. 2005. *Maqalat al-Shaykh Abi al-Hasan al-'Ash'ari*. Qahirah: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman Ibn Muhammad. t.th. *al-Muqaddimah Ibn Khaldun*. Qahirah: Dar al-Shu'ab.
- al-Juwaini, 'Abd al-Malik Ibn 'Abd Allah ibn Yusuf. 1369. *al-Irshad 'ila Qawati' al-'Adillah fi Usul al-Din*. Qahirah: Dar al-Sa'adah.
- al-Khuli Amin. 2003. *al-Mujaddidun fi al-'Islam*. Qahirah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kutub.
- al-Maqrizi, Taqi al-Din. 1442. *al-Khutat*. Qahirah: Maktabat al-Nayl.
- al-Murtada, Ahmad bin Yahya. 1961. *Tabaqat al-Mu'tazilah*. Bayrut: Jam'iyyah al-Mushtashriqin al-'Almaniyyah.
- al-Najjar 'Amir. 2003. *'Ilm al-Kalam 'Ard wa Naqd*. Maktabat al-Thaqafiyyah al-Diniyyah.
- al-Nashar, 'Ali Sami. 1977. *Nash'at Fikr al-Falsafah fi al-'Islam*. Bayrut: Dar al-Ma'arif.
- al-Qadi 'Iyyad. 1983. *Tartib al-Madarik wa Taqrib al-Masalik li Ma'rifat A'lam Mazhab Malik*. Maghribi: Wizarat al-'Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- al-Qushayri, 'Abd al-Karim Ibn Hawazin. 2006. *al-Risalah al-Qushayriyyah fi 'Ilm al-Tasawwuf*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Sakuni, Abu 'Ali 'Umar. 1976. *'Uyun al-Munazarat*. Tunis: Mansurat Kulliyat al-'Adab wa al-'Ulum al-'Insaniyyah, bi Jami'ah al-Tunisiyyah.

- al-Sanusi, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yusuf. 2013. *‘Umdat Ahl al-Tawfiq wa al-Tasdīd*, Qahirah: Dar al-Qalam li al-Nashr wa al-Tauzi’.
- al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad ‘Abd al-Karim Ibn Abi Bakr. 1993. *al-Milal wa al-Nihāl*. Qahirah: Mu’assasat al-Halabi.
- al-Sibti, Ibn Khumayr. 2004. *Muqaddimat al-Marashid ‘ila ‘Ilm al-Kalam*. Tetouan: Matba’ah al-Khalij al-‘Arabi.
- al-Subki, Taqi al-Din Abi Nasr ‘Abd al-Wahab Ibn ‘Ali Ibn ‘Abd al-Kafi. 1413. *Tabaqat al-Shafi’iyyah*. t.tp.: Hajar li al-Tiba’ah wa al-Nashr wa al-Tauzi’.
- Wahbi Sulayman Ghauji. 1989. *Nadhratun ‘Ilmiyyatun fī Nisbat Kitab al-‘Ibanah Jami’ihi ila al-‘Imam al-Jalil Nasir al-Sunnah ‘Abi al-Hasan al-‘Ash’ari*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- al-Yafi’i, ‘Abd Allah bin ‘As’ad bin ‘Ali bin Sulayman. 1997. *Mir’at al-Jinan wa ‘Ibrat al-Yaqazan fi Ma’rifat Ma Yu’tabar min Hawadith al-Zaman*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.